

18/11/1997

16 anggota PBS sertai Umno

KOTA KINABALU, Isnin - Seramai 16 ketua cawangan dan ahli jawatankuasa Parti Bersatu Sabah (PBS) bahagian Klias hari ini mengumumkan meninggalkan parti itu dan menyertai Umno.

Kumpulan itu diketuai Naib Ketua PBS Bahagian Klias, Junaidi Maidin; Setiausaha bahagian, Appolonius Bigun dan Ketua Pemuda bahagian, Robert Lee.

Mereka mengumumkan keputusan itu di hadapan Ketua Umno bahagian Beaufort, Datuk Lajim Ukin, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah di sini, ketika persidangan ditangguhkan tengah hari ini.

Ketika mengalu-alukan, Lajim yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri berkata, Umno Bahagian Klias kini semakin kukuh dengan jumlah keahlian meningkat kepada 28,000 orang, sekali gus menjadikannya yang kedua terbanyak ahli.

"Kemasukan bekas ahli PBS ini menunjukkan perjuangan parti itu tidak lagi mendapat sokongan rakyat negeri ini," katanya.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, Datuk Hassan Alban Sandukong mengetuai 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional dan pembangkang memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk terus memimpin negara ini.

Dalam kenyataan yang ditandatangani semua Adun BN dan parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS) selepas persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini, mereka menyelar tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang campur tangan dalam urusan negara.

"Malaysia negara yang merdeka, berdaulat, bebas dan penganjur keamanan ke seluruh dunia.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee dan Ketua Pembangkang yang juga Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, antara yang menandatangani ikrar sokongan padu kepada Perdana Menteri.

(END)